

## **KEMPEN PENGAKTIFAN PEMBIAYAAN MARGIN SAHAM HONG LEONG 2022**

Tarikh terakhir dikemas kini 20 Januari 2022

### **TEMPOH KEMPEN**

Hong Leong Bank Berhad (193401000023 (97141-X)) (“**HLB**”) “**Kempen Pengaktifan Pembiayaan Margin Saham Hong Leong 2022**” (“**Kempen**”) bermula pada **18 Januari 2022** dan berakhir pada **31 Mac 2022**, inklusif pada kedua-dua tarikh (“**Tempoh Kempen**”), melainkan dinyatakan sebaliknya melalui penyiaran notis pada laman sesawang HLB di [www.hlb.com.my](http://www.hlb.com.my) (“**Laman Sesawang HLB**”).

### **TERMA & SYARAT**

Terma dan Syarat Kempen adalah seperti berikut (“**T&S**”):

### **KELAYAKAN**

1. Kempen ini terbuka kepada semua pelanggan HLB baharu atau sedia ada yang berstatus warganegara Malaysia atau Penduduk Tetap di Malaysia dan menetap di Malaysia melebihi seratus lapan puluh dua (182) hari setahun dan berumur di antara lapan belas (18) dan tujuh puluh (70) tahun (“**Pelanggan**”) yang merangkumi:
  - i. Pelanggan yang memohon akaun dan kemudahan Pembiayaan Margin Saham (“**PMS**”) baharu di sepanjang Tempoh Kempen
  - ii. Pelanggan yang mempunyai kemudahan SMF sedia ada sebelum Tempoh Kempen yang memohon untuk melakukan tambah nilai fasiliti, penambahan had garis kredit sedia ada atau mengaktifkan semula akaun margin saham tidak aktif di sepanjang Tempoh Kempen
2. Pelanggan berikut **TIDAK** layak untuk menyertai Kempen:
  - i. Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan apa-apa tindakan penipuan, melanggar undang-undang atau kesalahan berhubung dengan mana-mana kemudahan yang diberikan oleh HLB atau telah diisytiharkan mufliis atau tertakluk kepada sebarang prosiding kebangkrapan pada bila-bila masa sebelum atau di sepanjang Tempoh Kempen
  - ii. Pelanggan yang telah melakukan, atau didapati oleh HLB berpotensi melakukan mana-mana perbuatan salah yang ditetapkan di sini; dan
  - iii. Pelanggan yang mengemukakan permohonan baharu untuk Fasiliti (seperti ditakrifkan dalam Klausa 3 di bawah) bagi tujuan pembelian saham di bawah Skim Opsyen Saham Pekerja (“**SOSP**”) dan/atau Saham Terbitan Awam (“**STA**”).

### **MEKANIK KEMPEN**

3. Untuk kelayakan menyertai Kempen, Pelanggan hendaklah memohon dan menerima pembiayaan pinjaman minimum Ringgit Malaysia Tiga Ratus Ribu (RM300,000) (“**Fasiliti**”) di sepanjang Tempoh Kempen (“**Pelanggan Yang Layak**”).
4. Tempoh menunggu selama satu (1) bulan sehingga 30 April 2022 diberikan kepada Pelanggan Yang Layak untuk menerima Kemudahan yang diluluskan di sepanjang Tempoh Kempen untuk layak menerima Ganjaran (seperti yang ditakrifkan di bawah Klausa 5).
5. Pelanggan Yang Layak akan menerima satu (1) unit Set Mangkuk Swarovski dan Sarang Burung Eu Yan Sang Yen sebagai ganjaran percuma (“**Ganjaran**”) untuk

setiap kelulusan permohonan Fasiliti dalam kaedah siapa cepat dia dapat, tertakluk pada ketersediaan stok.

6. Jumlah Ganjaran Kempen ini dihadkan kepada sembilan puluh (90) unit untuk setiap Set Mangkuk Swarovski dan Sarang Burung Eu Yan Sang Yen untuk seramai sembilan puluh (90) Pelanggan Yang Layak sahaja ("**Peserta Yang Berjaya**").
7. Sekiranya lapan puluh sembilan (89) unit Ganjaran dipenuhi dan dua (2) atau lebih Pelanggan Yang Layak menerima Fasiliti pada hari yang sama, Pelanggan Yang Layak dengan jumlah penerimaan fasiliti yang lebih tinggi akan dipilih sebagai Peserta yang Berjaya.

### **GANJARAN dan PEMENUHAN**

8. HLB akan menjejak Pelanggan Layak secara automatik pada penghujung Tempoh Kempen untuk menentukan Peserta yang Berjaya. Tiada borang atau pendaftaran penyertaan diperlukan untuk menyertai Kempen ini.
9. Peserta yang Berjaya akan dihubungi melalui telefon mudah alih dan/atau SMS ("**Notifikasi**") oleh Pegawai Jualan SMF HLB dalam masa sembilan puluh (90) hari selepas Tempoh Kempen tamat. Pelanggan yang tidak menerima sebarang Notifikasi dianggap sebagai tidak layak untuk menerima Ganjaran
10. HLB tidak akan bertanggungjawab sekiranya Peserta yang Berjaya tidak dapat dihubungi atas apa jua sebab dan akan kehilangan hak untuk menerima Ganjaran.
11. Ganjaran akan dihantar ke alamat yang diberikan oleh Peserta Yang Berjaya kepada Pegawai Jualan SMF HLB. Adalah menjadi kewajipan Peserta Yang Berjaya untuk mengemas kini dan/atau memberikan maklumat tepat terkini kepada HLB. Sebarang kegagalan untuk memberikan maklumat di dalam masa yang ditetapkan seperti yang dimaklumkan kepada Peserta yang Berjaya, atau didapati memberi maklumat yang salah atau palsu, Peserta yang Berjaya akan dilucutkan hak untuk menerima Ganjaran.
12. Ganjaran mungkin diubah dan diganti kepada ganjaran alternatif yang sesuai mengikut budi bicara pihak Bank, jika dirasakan perlu atau bersesuaian (contoh; isu logistik terhad, rantaian bekalan dll).
13. Ganjaran yang dipaparkan di semua bahan percetakan dan/atau laman sesawang Bank HLB hanya untuk tujuan ilustrasi sahaja. Segala prop, aksesori atau peralatan yang dipaparkan bersama Ganjaran dalam mana-mana bahan bergambar adalah untuk tujuan hiasan dan tidak menjadi sebahagian daripada Ganjaran.
14. Pihak Bank berhak untuk menggantung atau menuntut semula sebarang Ganjaran kedua atau seterusnya. HLB juga berhak untuk menggantung pemberian Ganjaran sekiranya terdapat pembalikan/pembatalan Fasiliti.
15. Pihak Bank tidak bertanggungjawab di atas berlakunya kerugian, kerosakan atau kecurian Ganjaran dan sebarang tuntutan gantian Ganjaran tidak akan dilayan oleh Pihak Bank. Pihak Bank tidak memberikan representasi atau waranti berkenaan dengan kualiti atau kesesuaian Ganjaran dan tidak akan bertanggungjawab untuk menggantikan sebarang Ganjaran yang hilang, dicuri atau rosak (sama ada disebabkan oleh kecacatan bahan atau hasil kerja pengilang di bawah jaminan atau sebaliknya). Pelanggan Yang Layak hendaklah menguruskan secara terus dengan kedai dan/atau pengilang yang berkaitan untuk semua maklumat waranti dan tuntutan tanpa melibatkan pihak Bank.

### ISTIMEWA di Tahun Baru Cina

16. Sebagai tambahan kepada Kempen ini, Pelanggan Yang Layak yang menerima Fasiliti pada 28 Februari 2022 ("**Penerimaan Awal Fasiliti**") juga akan layak untuk mengambil bahagian di dalam Kempen Boost Your "Ong" dengan menerima penyertaan mengikut tahap sepertimana yang dinyatakan dalam Jadual 1 dibawah ("**Penyertaan**"). Sila rujuk Lama Sesawang HLB untuk terma dan syarat Kempen Boost Your "Ong".

**Jadual 1**

<b>Tahap</b>	<b>Jumlah Penerimaan Fasiliti Awal</b>	<b>Jumlah Penyertaan</b>
1	RM300,000 – RM499,999	1
2	RM500,000 – RM999,999	5
3	RM1,000,000 – RM2,999,999	10
4	RM3,000,000 – RM4,999,999	50
5	RM5,000,000 dan ke atas	100

### UMUM

17. Kempen ini tidak sah dan tidak boleh digunakan bersama-sama dengan mana-mana kempen lain yang berlangsung berkaitan dengan SMF yang ditawarkan oleh HLB dari semasa ke semasa, kecuali diberitahu sebaliknya.
18. Dengan menyertai Kempen, Pelanggan yang Layak bersetuju:
- i. membaca, memahami, menerima dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat di sini;
  - ii. membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Notis Privasi HLB, yang mana kedua-duanya boleh didapati di Laman Sesawang HLB;
  - iii. bahawa semua rekod pemenuhan daripada keperluan di atas yang ada di dalam sistem HLB di sepanjang Tempoh Kempen adalah tepat dan pemilihan Peserta yang Berjaya adalah muktamad. Tiada rayuan atau koresponden akan dilayan;
  - iv. bahawa keputusan Bank mengenai semua perkara yang berkaitan dengan Kempen adalah muktamad, konklusif dan semua Pelanggan terikat dengannya;
  - v. bertanggungjawab menyerahkan kepada HLB cara sah untuk dihubungi dan terkini termasuk memberi nombor telefon mudah alih dan alamat e-mel, dan segera memberitahu HLB sekiranya berlaku perubahan;
  - vi. untuk mengunjungi Laman Sesawang Bank setiap masa bagi membaca T&S dan melihat kemas kini mengenai sebarang perubahan atau kepelbagaian kepada T&S.
  - vii. untuk bertanggungjawab dan akan menanggung segala cukai yang dikenakan, yuran kerajaan atau apa-apa caj lain yang mungkin dikenakan di bawah undang-undang yang terpakai, jika ada, berhubung dengan penyertaan di dalam Kempen ini.
19. HLB berhak untuk:
- i. untuk meluluskan atau menolak mana-mana permohonan yang dikemukakan dan untuk menentukan jumlah Fasiliti yang diluluskan untuk permohonan yang sama
  - ii. menambah, memadam, menggantung atau mengubah T&S yang terkandung di sini, sama ada sepenuhnya atau sebahagian, atau menamatkan Kempen dengan cara menyiarkan di Laman Sesawang HLB dengan notis dua puluh satu (21) hari, atau dalam mana-mana cara yang di anggap praktikal oleh HLB;

- iii. membatalkan sebarang penyertaan kerana tidak mematuhi T&S di sini; daripada menyertai Kempen ini
- 20. Pelanggan hendaklah bersetuju bahawa T&S ini, terma dan syarat Fasiliti dan sebarang terma dan syarat lain yang mungkin dikenakan oleh HLB hendaklah dibaca bersama dengan T&S ini sebagai keseluruhan perjanjian.
- 21. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara T&S ini dan sebarang pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan lain yang mempunyai kaitan dengan Kempen ini, T&S terakhir Kempen pada Laman Sesawang akan diguna pakai.
- 22. T&S ini ditadbir dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan Perujuk bersetuju untuk mengiktiraf bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai T&S, anda boleh mendapatkan penerangan daripada kakitangan kami yang sentiasa bersedia membantu anda. Sebagai alternatif, sila e-mel kami di [hlonline@hlbb.hongleong.com.my](mailto:hlonline@hlbb.hongleong.com.my)